

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	03 JANUARY 2017

Nurul Izzah main politik beri Tun M laluan

BH - 3/1/2017

➔ **Kenyataan** disiarkan akhbar bahasa Tamil cuba mengadu domba, pecah undi India di Lembah Pantai

Oleh Nazura Ngah
nazura_ngah@bh.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

Ahli Parlimen Lembah Pantai, Nurul Izzah Anwar didakwa cuba memecahbelahkan pengundi dan membangkitkan sentimen rakyat, khususnya dalam kalangan masyarakat India apabila sanggup memberi laluan kepada Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad bertanding di kawasannya.

Setiausaha Barisan Nasional (BN) Lembah Pantai, M Sazali Kamilan, berkata kenyataan Naib Presiden PKR disiarkan oleh akhbar berbahasa Tamil itu jelas menunjukkan Nurul Izzah cuba mengadu domba masyarakat India di Lembah Pantai, kawasan yang mempunyai jumlah pengundi India paling ramai di Kuala Lumpur.

“Adakah Nurul Izzah cuba memanaskan sentimen masyarakat India di Lembah Pantai terhadap cadangan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengeluarkan Pusat Daerah Mengun-



BN Lembah Pantai tidak mempunyai masa senggang seperti Nurul Izzah yang cukup banyak masa mengadu domba pengundi sehingga tidak cukup masa untuk berkhidmat kepada masyarakat Lembah Pantai”

M Sazali Kamilan,
Setiausaha BN
Lembah Pantai

di (PDM) Jalan Tun Sambanthan daripada peta Lembah Pantai yang dikemukakan dalam Cadangan Persempadanan Semula Kawasan Pilihanraya Wilayah Persekutuan,” katanya dalam kenyataan semalam.

Pemimpin BN tetap galas tugas jaga keharmonian

M Sazali berkata, BN Lembah Pantai dipimpin Datuk Seri Raja Nong Chik Raja Zainal Abidin tetap menjaga keharmonian, kesejahteraan dan kebajikan pengundi Lembah Pantai tanpa mengira sama ada cadangan pihak SPR terhadap persempadanan semula itu dimuktamadkan atau sebaliknya.

Katanya, jentera BN Lembah Pantai terus melaksanakan aktiviti bersama rakyat termasuk menganjurkan Program Kembali Ke Sekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Bangsar.

“BN Lembah Pantai tidak mempunyai masa senggang seperti Nurul Izzah yang banyak masa mengadu domba pengundi sehingga tidak cukup masa untuk berkhidmat kepada masyarakat Lembah Pantai,” katanya.